

NOTIS PERLINGUNGAN DATA PERIBADI YAYASAN TERENGGANU



(Berkuat Kuasa Pada: 1 Januari 2010)
(Tarikh dikemaskini Pada: 25 September 2024)

1. PENGENALAN.

Yayasan Terengganu mengambil berat mengenai perlindungan data peribadi anda. Notis ini menjelaskan bagaimana Yayasan Terengganu memproses data peribadi anda bermula daripada pengumpulan, penggunaan, perkongsian dan pemusnahan serta langkah keselamatan yang kami ambil untuk memastikan data peribadi anda dilindungi sebaiknya.

2. PENGUMPULAN.

Kami mengumpul data peribadi iaitu:

1. Nama penuh.
2. No. kad pengenalan.
3. Alamat rumah.
4. Alamat e-mel.
5. Nombor telefon.
6. Tempat bekerja anda, ibu dan bapa.
7. Tempat mengundi anda, ibu dan bapa.
8. Maklumat akademik
9. Keputusan akademik.
10. Maklumat sekolah.
11. Pasangan, ibu dan bapa.
12. Tanggungan anda
13. Pendapatan anda.
14. Pendapatan ibu dan ayah.
15. Nombor akaun anda.

3. SUMBER PENGUMPULAN.

Kami mendapatkan data peribadi anda daripada:

1. Borang pendaftaran ahli baru sesawang.
2. Permohonan jawatan kosong di pautan ytklik.terengganu.gov.my.
3. Permohonan bantuan persediaan di pautan ytklik.terengganu.gov.my.
4. Permohonan biasiswa kecil Yayasan Terengganu di pautan ytklik.terengganu.gov.my.
5. Permohonan biasiswa atau pinjaman ytpenajaan.terengganu.gov.my.
6. Permohonan kemasukkan pelajar Kemahiran di pautan ekpt.terengganu.gov.my.
7. Permohonan Anugerah sarjana di pautan sarjana.yt.gov.my/permohonan.
8. Permohonan ke tingkatan 1.
9. permohonan ke tingkatan 4 (syahadah ulya ulul albab).
10. permohonan ke tingkatan 6.
11. Borang pembelian.

NOTIS PERLINGUNGAN DATA PERIBADI YAYASAN TERENGGANU

12. *Cookies.*

4. TUJUAN PENGUMPULAN

Kami mengumpul data peribadi anda untuk:

1. Memproses permohonan anda untuk sebarang perkhidmatan yang kami tawarkan.
2. Mengenalpasti tempat / Lokasi / statistik / masa untuk membuat pemerhatian.
3. Mengembangkan perkhidmatan yang kami sediakan untuk lebih cepat dan telus.
4. Menyelesaikan aduan / masalah yang berlaku.
5. Memproses tawaran mengikut dasar /peraturan yang telah kami tetapkan.
6. Berkongsi data bersama pihak berkepentingan untuk mengembangkan pendidikan di Terengganu.
7. Berkongsi data bersama pihak berkepentingan untuk menyelesaikan masalah bayaran balik pinjaman.
8. Berkongsi data bersama pihak berkepentingan untuk kegunaan perkhidmatan.

5. BAGAIMANA DIPROSES

Kami memproses data peribadi anda hanya di dalam Malaysia Sahaja. Tiada data peribadi yang dipindahkan ke luar Malaysia.

6. PENZAHIRAN

Kami akan menzahirkan data peribadi anda kepada:

1. Pihak berkuasa untuk tujuan undang-undang.
2. Pihak ketiga iaitu vendor atau badan-badan berkepentingan yang terikat dengan perjanjian dengan pihak kami untuk menambahbaik perkhidmatan yang kami tawarkan.
3. Ahli keluarga iaitu ibu, bapa, isteri dan anak yang berkepentingan untuk mengetahui maklumat berkaitan peminjam.

7. LANGKAH KESELAMATAN.

Kami mengambil Langkah – Langkah berikut untuk melindungi data peribadi anda:

1. Memastikan data peribadi anda disimpan dengan sebaiknya mengikut kehendak Akta 709.
2. Memastikan kakitangan kami tidak menyalah gunakan data peribadi anda.
3. Mempunyai kontrak perlindungan data peribadi dengan pihak ketiga yang berkepentingan bersama iaitu pembekal sistem, kurier dilantik, badan-badan berkaitan pendidikan dan kerjaya.

Walau bagaimanapun, anda bertanggungjawab untuk menjaga kata laluan dengan baik dan tidak menzahirkannya kepada pihak lain bagi mengelakkan risiko pencerobohan terhadap data peribadi anda.

8. TEMPOH PENYIMPANAN

Kami akan menyimpan data peribadi anda selama sembilan (5) tahun / selagi anda menjadi pelanggan kami / selagi data anda dapat memberi manfaat untuk tujuan meningkatkan mutu pendidikan Negeri Terengganu. Sekiranya anda tidak lagi menjadi pelanggan kami / data anda tidak mempunyai manfaat kepada pendidikan di Negeri Terengganu, data peribadi anda akan dihapuskan secara kekal.

NOTIS PERLINGUNGAN DATA PERIBADI YAYASAN TERENGGANU

9. HAK ANDA.

Anda berhak untuk:

1. Membetulkan / mengemaskini data peribadi anda di capaian **borang pembetulan data peribadi**.
2. Mengakses data peribadi anda yang kami simpan.
3. Menghentikan promosi perkhidmatan kami kepada anda.
4. Menarik balik persetujuan memproses data peribadi dengan syarat iaitu:
 - a. Tuntutan ganti rugi kepada pihak kami iaitu kos pembayaran penuh pinjaman / biasiswa yang telah kami berikan kepada anda berserta kos penyelanggaran data iaitu sebanyak RM sepuluh ribu ringgit (RM 10,000.00) .

10. HUBUNGI KAMI.

Anda boleh menghubungi kami berkaitan data peribadi anda melalui:

MUHAMMAD RIDHUAN BIN ISMAIL
(PENOLONG PENGARAH PENGATURCARAAN)
(Bangunan Yayasan, Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu, Terengganu)
(09-6211800 samb.1938)
(ridhuan@yt.gov.my)